

# Penjelasan saya sudah cukup – Khairy

UM - 7/8/2006

REMBAU 6 Ogos - Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, beliau sudah memberikan penjelasan yang mencukupi bagi menjawab segala tuduhan terhadapnya dan kini mahu menumpukan perhatian kepada kerja-kerja parti.

Tegas beliau, penjelasan itu terpaksa dibuat bagi menangani beberapa isu yang dibangkitkan oleh pemimpin tertentu.

“Saya rasa sudah cukup penjelasan tentang peribadi saya. Sudah cukup jelas. Kini saya mahu tumpukan kepada perjuangan Pemuda, tumpukan perkara yang lebih penting.

“Saya cuma bagi penjelasan kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pemimpin tertentu yang kini jadi buah mulut di kalangan ahli. Saya terpaksa buat penjelasan,” katanya.

Khairy bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian serentak Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Rembau 2006, di sini, hari ini.

Perasmian itu disempurnakan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan merangkap Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Khairy semalam menjawab lapan tuduhan dan tohmahan yang menjadi desas desus banyak pihak di seluruh negara antaranya sering menelefon menteri-menteri besar untuk memberi arahan.

Kata Khairy, beliau sedar penjelasan yang diberikan bukan mudah untuk memuaskan hati pihak-pihak yang menuduhnya namun ia tidak menjadi masalah selagi ahli Pemuda menerimanya.

“Akar umbi yang memberi saya mandat, bukan orang lain. Lebih penting mereka menerima penjelasan saya, saya bukan nak puas hati mereka yang membuat tuduhan.

“Kalau masuk politik kita perlu bersedia (dengan tohmahan) dan selagi ahli bagi kepercayaan, kita perlu teruskan,” katanya yang juga Ketua Pemuda UMNO Rembau.

Ditanya adakah wujud pihak yang mendalangi tuduhan itu, beliau bertegas tidak tahu ia datang daripada mana dan bersedia menghadapi tuduhan-tuduhan baru kerana ia adalah mainan dunia politik.